



**AMAT Jutrah (duduk tiga kiri) dan Jais (duduk dua kiri) bersama pemain badminton yang akan menggalas cabaran UMS ke Sukan Staf IPTA di UUM.**

## **Pemain badminton UMS sedia beri saingan sengit**

UB 03.07.2012 A14

KOTA KINABALU : Pasukan Badminton Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertekad untuk mendapatkan pingat di Kejohanan Sukan Staf IPTA Malaysia (Sukum) ke-37 di Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah yang akan bermula pada 5 Julai ini.

Berbekalkan semangat waja yang kental kalangan pemain UMS, mereka mampu memberikan tentangan sengit dan membawa pulang pingat tanpa mengira warna tahun ini.

Walaupun telah diletakkan dalam kumpulan terendah, ianya tidak menggambarkan kehebatan pasukan badminton tidak berpotensi.

Demikian dinyatakan oleh pengurus pasukan badminton UMS, Amat Jutrah Musnih yang juga Presiden Kesatuan Kakitangan Am UMS (KEKAUMAS) dalam satu taklimat kepada semua pemain.

Katanya, semua pemain badminton diingatkan agar

menanam semangat ‘Yakin Boleh’ untuk mencapai sesuatu kemenangan.

“Jika tidak ada keyakinan dalam diri tentunya kegagalan akan menghantui perasaan pemain. Pemain harus bermain mengikut arahan jurulatih dan bukan mengikut rentak pemain lawan yang boleh menjelaskan rentak permainan sendiri,” katanya.

Amat Jutrah berpuashati dengan peningkatan prestasi pemain yang telah berlatih dari pagi, petang dan malam di bawah bimbingan jurulatih yang berpengalaman, Jais Osman dan Abd. Jalil Sapli.

Peningkatan prestasi pemain badminton UMS telah dapat diukur melalui perlawanan persahabatan dengan pasukan terkuat di Sabah.

Jurulatih telah membariskan pemain muda untuk digandingkan dengan pemain senior sekaligus mampu memantapkan pasukan badminton UMS.

Amat Jutrah mengharapkan

agar semua pemain akan sentiasa menjaga kesihatan diri semasa berada di Kedah kerana keadaan cuaca yang tidak menentu ketika ini terutama jerebu yang boleh menjelaskan mutu permainan mereka.

“Semua pemain juga perlu menjaga disiplin yang baik bagi menjaga nama Universiti,” katanya.

Turut hadir Pemangku TNC Akademik, Prof Datin Dr Mariam Abdul Latip dan Pengarah Pusat Sukan, Mohd Asyraf Fong Abdullah.

Berikut adalah senarai pemain yang akan membawa cabaran UMS ke Sukan IPTA minggu depan di UUM: Che Din Md Salleh, Musri Ismenyah, Mohd. Sayful Awang, Joibai Matus, Dr. Asmady Idris, Hairul Nizam, Rodeano Roslee, Nancy Ignasius, Dr. Kalsum Mohd. Yusah, Rozieila Hanim Alamjuri, Dr. Mhd. Tahir Mapa, Dr. Suhami Md. Nasir, Jais Osman, Abd. Jalil Sapli, Rosnani Saibin, Ridhwan Sapli dan Mohd. Farhan Mohd. Johan.